

Prosedur urus niaga dana diketat — PM

UM. 17 OCT 2001

KUALA LUMPUR 16 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan akan mengetatkan langkah-langkah keselamatan dan prosedur urus niaga para pengurus dana untuk memastikan wang tabungan orang ramai tidak disalahgunakan.

Menurut Perdana Menteri, langkah itu diambil setelah didapati kebela-kangan ini sering kedengaran berlaku kejadian seumpama itu termasuk berlakunya pecah ama-

nah membabitkan wang tabungan orang ramai.

Beliau berkata, kerajaan memandang serius perkara tersebut kerana ia akan menjejaskan imej dan keyakinan rakyat serta pelabur asing terhadap institusi pelaburan dan perbankan negara.

“Langkah-langkah keselamatan dan prosedur urus niaga harian yang jelas dan teratur perlu diperkemas dan dikaji dari semasa ke semasa bagi memastikan tahap profesionalisme dan kre-

dibiliti tidak dipersoalkan,” katanya ketika berucap melancarkan Amanah Saham Nasional 3 Imbang (ASN3) di sini hari ini.

Baru-baru ini berlaku kecurian melibatkan kira-kira RM1.7 juta di Ibu Pejabat Lembaga Tabung Haji di sini yang disyaki dilakukan oleh satu sindiket dipercayai orang dalam agensi tersebut.

Bagaimanapun sehingga kini tiada tangkapan dibuat.

Dr. Mahathir menambah, selain kepakaran dan kecanggihan teknologi masa kini, pengurus dana yang baik perlu mengamalkan sifat yang mulia seperti amanah, telus dan jujur serta bertanggungjawab melaksanakan tugas mereka.

“Permodalan Nasional Bhd. (PNB) adalah antara institusi pelaburan ciptaan kerajaan yang telah berjaya melaksanakan tanggungjawabnya dengan baik dan mencapai matlamat penubuhan-

nya,” kata Perdana Menteri.

Menurut beliau, pengu- rusan dan kakitangan PNB diharap tidak mudah leka sebaliknya akan terus melipatgandakan usaha untuk menangani cabaran masa depan yang semakin memuncak dengan era globalisasi kini.

Katanya, pengurus dana juga perlu bersedia dan bijak mengenal pasti peluang-peluang yang dibawa bersama arus globalisasi bagi memastikan mampu bersaing di arena antarabangsa.